

Polis tahan 512 peserta BERSIH 3.0
MalaysiaKini.com
April 29, 2012

Seramai 512 orang termasuk 30 orang wanita dan lima kanak-kanak ditahan polis dalam operasi ke atas peserta perhimpunan BERSIH 3.0 di ibu negara semalam, menurut kenyataan PDRM hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh berkata kesemua individu berkeenaan dibebaskan selepas diambil keterangan.

Dalam perkembangan berkaitan, kenyataan Mohamad turut mengesahkan bahawa seorang anggotanya, Sjn Zaini Nawawi, 53, polis meninggal dunia di Kuala Lumpur semalam.

Kematian tersebut tiada kena mengena dengan tindakan polis ketika menyuraikan perhimpunan BERSIH, jelasnya.

"Anggota tersebut meninggal dunia kerana mengalami sesak nafas ketika menjalankan tugas rondaan biasa di kawasan Bukit Bintang," katanya lagi.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan bahawa seramai 13 orang anggota polis mengalami kecederaan ketika menyuraikan perhimpunan BERSIH.

"(Seramai) sebelas orang daripada dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan UKM, manakala dua orang lagi masih menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur," katanya.

Dua anggota berkeenaan ialah L/Kpl Mohd Wasir Abu yang didakwa dipukul dan terjatuh daripada motosikal dan juga Konst Mohd Kamil Parimin yang mengalami kecederaan di kepala.

